

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah cadangan untuk mewujudkan Mini Kedai Rakyat 1Malaysia di kawasan kampung, taman perumahan di kawasan pinggir bandar dengan modal permulaan yang lebih rendah sebagai solusi menangani sikap tamak sesetengah peniaga yang cuba mengaut keuntungan menaikkan harga barang yang tidak dikawal Kerajaan dengan memberi pilihan kepada rakyat untuk membuat pilihan kedai terbaik sebelum membeli barang keperluan asas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menerima beberapa cadangan dan pandangan daripada pelbagai pihak yang meminta Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dibuka di kawasan-kawasan perumahan ataupun di kawasan kampung. Pada dasarnya, Kerajaan hanya menetapkan sasaran bahawa setiap kawasan Parlimen mempunyai sekurang-kurangnya sebuah KR1M. Walau bagaimanapun, pemilihan lokasi KR1M di sesebuah kawasan Parlimen tersebut adalah bergantung kepada kesesuaian lokasi cadangan dari aspek kepadatan penduduk, saiz dan potensi terhadap perniagaan.

Kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak Yang Berhormat dalam memastikan pelaksanaan KR1M memberi manfaat kepada semua pihak khususnya di kawasan luar bandar. Pihak Kementerian akan mengadakan perbincangan bersama MRT Retail Sdn Bhd selaku operator KR1M bagi mencari kaedah terbaik pelaksanaan KR1M khusus bagi kawasan luar bandar.

Sebagai tambahan, produk KR1M juga boleh dijual di premis-premis perniagaan biasa selain KR1M. Sehingga kini, sebanyak 569 buah premis telah berdaftar dengan MRT Retail Sdn Bhd untuk membeli secara borong barang KR1M bagi tujuan penjualan semula di premis mereka. Kerajaan menggalakkan usaha ini bagi menyebar luaskan pemasaran produk KR1M ke seluruh negara dengan lebih cepat tanpa perlu menunggu untuk KR1M dibangunkan di sesebuah kawasan.